

**Persidangan Khas Bincang Masa Depan SJK Tamil Perlu Diadakan - Perdana Menteri Bernama 22 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Persidangan khas membincangkan masa depan sekolah jenis kebangsaan Tamil perlu diadakan bagi menghasilkan satu pelan induk mengenainya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata persidangan itu yang melibatkan warga pendidik sekolah Tamil, Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) dan badan bukan kerajaan (NGO) antara lain perlu membincangkan pelbagai aspek mengenai sekolah tersebut.

Ini termasuk sama ada masih relevan mewujudkan kelas peralihan untuk pelajar sekolah tersebut, katanya.

"Masalah kekangan guru-guru sekolah Tamil yang mempunyai kelulusan ijazah, dan reka bentuk sekolah Tamil itu serta lain-lain keperluan, patut dibincangkan pada persidangan tersebut," katanya pada Majlis Mesra Bersama Warga Sekolah Tamil Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Tamil Kinrara, di sini hari ini.

Beliau berkata rumusan daripada persidangan itu boleh dipertimbangkan oleh Kementerian Pelajaran untuk membangunkan sekolah jenis tersebut.

"Kerajaan komited dan ikhlas untuk memajukan pendidikan sekolah-sekolah Tamil serta sekolah-sekolah lain," katanya, yang turut mengumumkan kerajaan telah meluluskan pembinaan enam lagi SRJK Tamil di empat negeri iaitu Kedah, Perak, Selangor dan Johor.

Najib berkata mesyuarat Jemaah Menteri baru-baru ini meluluskan "lesen" untuk membina tiga SRJK Tamil di Selangor iaitu di Taman Sentosa (Klang), Taman PJS1 (Petaling Jaya) dan Bandar Mahkota (Cheras).

Selain di Taman Keladi, Sungai Petani, Kedah, Heawood Estate, Sungai Siput, Perak dan di Bandar Sri Alam, Masai, Johor.

Najib berkata ini adalah pengiktirafan kerajaan terhadap peranan penting yang digerakkan oleh sekolah-sekolah Tamil dalam masyarakat India di negara ini.

Beliau berkata selain itu, kerajaan turut memberi perhatian terhadap kedudukan 15 buah SRJK Tamil yang mempunyai bilangan pelajarnya kurang daripada 10 orang, yang mana perlu dipindahkan ke kawasan yang mempunyai bilangan penduduk yang ramai yang memerlukan pendidikan daripada sekolah tersebut.

" Inilah langkah yang bakal diambil oleh kerajaan untuk masa depan sekolah Tamil. Yang penting, ada kerjasama yang erat antara kerajaan, persatuan guru-guru sekolah Tamil, PIBG dan komuniti kaum India, khususnya.

" Kita mesti anggap ini sebagai satu usaha bersepadu untuk merealisasikan objektif kita," katanya.

Pada majlis itu, Najib turut mengumumkan peruntukan RM3.5 juta bagi SJK Tamil Kinrara untuk membina sebuah bangunan empat tingkat.

Turut hadir Presiden MIC, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk G. Palanivel, Timbalan Presiden MIC yang juga Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Dr S. Subramaniam, Duta Khas (Infrastruktur) Malaysia ke India dan Asia Selatan Datuk Seri S. Samy Vellu, Presiden PPP Datuk M. Kayveas dan Menteri Pertanian Datuk Seri Noh Omar.

Lebih 3,000 orang terdiri daripada guru besar SRJK Tamil, pengerusi PIBG, Lembaga Pengurus Sekolah dan wakil-wakil NGO hadir pada majlis yang julung kali dihadiri oleh Perdana Menteri itu.

Pada majlis itu, Najib turut dikalungkan bunga malai dan selendang kain sutera sebagai penghormatan masyarakat India terhadap beliau.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=641692>